



Permohonan adalah dipelawa daripada warga negara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan memenuhi syarat-syarat pelantikan bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

Bil. Iklan Pustaka/01/2022 (1)

1. Skim Perkhidmatan : **Pembantu Pustakawan, Gred S19
(2 KEKOSONGAN – KUCHING)**
- Taraf Jawatan : **JAWATAN BERASASKAN CARUMAN**
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Sosial
Jadual Gaji : S19 RM 1,352.00 - RM 4,003.00
(Minimum) (Maksimum)

Syarat Lantikan:

1. Calon-calun bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S19: RM1,352.00); atau
- ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S19: RM1,408.40); atau
- iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred S19: RM1,464.80);

DAN (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Cara Memohon:

1. Semua permohonan hendaklah dikemukakan SECARA ATAS TALIAN (*ONLINE*) melalui laman web berikut:

www.pustaka-sarawak.com/recruitment
2. Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan.
3. Setiap permohonan **MESTILAH** disertai dengan salinan sijil-sijil yang disahkan, diimbas dan dimuatnaik melalui sistem e-recruitment Pustaka nanti. Muatnaik adalah terhad kepada 2 lampiran sahaja (format PDF). Contoh: Sekiranya jawatan memerlukan lulusan SPM, maka salinan sijil SPM hendaklah dimuatnaik.
4. Hanya pemohon yang berjaya untuk ditemuduga sahaja akan dimaklumkan melalui emel dan khidmat pesanan ringkas (SMS).
5. Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklumbalas/jawapan dalam tempoh 3-6 bulan dari tarikh iklan, permohonan dianggap tidak berjaya.
6. Tarikh tutup iklan adalah pada **4 Mac 2022 (Jumaat)**.